

BERITA Rumah Kita




PERUMAHAN AWAM DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

BIL: 1/2004

ISSN 0128-5912

NASKAH PERCUMA

MAC 2004



"Cemerlang Ciemilang Terbilang"

Kandungan

GAMBAR HIASAN MUKA HADAPAN	1
KANDUNGAN DAN GAMBAR	2
DARI MEJA PENGARAH DAN SIDANG RIDAKSI	3
MENGUBAH MINDA DAN SIKAP	4
MENGUBAH MINDA DAN SIKAP	5
MENGUBAH MINDA DAN SIKAP	6
BANTUAN SEMPENA TAHUN BARU CINA	7
SEMANGAT KEJIRANAN DAN KEMISKINAN DI BANDAR	8
MENYUSUN BATU BATA	9
e-WARGAKOTA	10
e-WARGAKOTA	11
JALINAN MESRA JELATEK	12
PENYERAHAN PPR BERSEPADU (MTEN)	13
REKA BENTUK RUMAH PENGARUHI GAYA HIDUP	14
PENDIDIKAN SEKSUALITI FORMAL	15
PENDIDIKAN SEKSUALITI FORMAL	16
RM 4 JUTA AKIBAT VANDALISME	17
PERKASA DIRI HADAPI CABARAN	18
PERKASA DIRI HADAPI CABARAN	19
REMAJA ADA POTENSI	20
REMAJA ADA POTENSI	21
HARI PATRIOTIK ERTI KEMERDEKAAN	22
PENYEWAWA INGKAR DEGIL, DAN KERAS KEPADA	23
CEMERLANG, GEMILANG DAN TERBILANG	24
UTAMAKAN GOLONGAN REMAJA	25
NO TELEFON IBU PEJABAT PERUMAHAN	26
NO TELEFON IBU PEJABAT PERUMAHAN	27
TINGKAT EKONOMI PENGHUNI	28
LAWATAN SOSIAL MEMBUKA MATA	29
TILAWAH AL-QURAN KERAMAT JAYA II	30
YURAN PERKHIDMATAN BAGI KESELESAN	31
GAMBAR PERISTIWA	32
GAMBAR PERISTIWA	33
KAWASAN SELAMAT	34
MOHON BANTUAN 2 MINGGU SEBELUM PROGRAM	35
MASALAH KERUNTUHAN MORAL	36
RUMAH KOS RENDAH AGENDA UTAMA	37
RUMAH KOS RENDAH AGENDA UTAMA	38
RUMAH KOS RENDAH AGENDA UTAMA	39
SHAHARUDDIN SEDIA HADAPI CABARAN	40
WAWASAN 2020	41
PELUANG KEDUA BELAJAR DI MARA	42
PPR SG.BONUS/AIR JERNIH	43
TIP KESELAMATAN SEMASA KEBAKARAN	44
IP KESELAMATAN SEMASA KEBAKARAN	45
PPR TAMAN WAHYU I	46
SHAHLAN URUS KEMASUKAN SETINGGAN KE MTEN	47
NO. TELEFON PEJ ZON PERUMAHAN	48
NO. TELEFON PEJ ZON PERUMAHAN	49
PPR RAYA PERMAI	50
PPR PUDU ULU	51
AL-MABADIL ' ASYARA (SEPULUH POKOK)	52
AL-MABADIL ' ASYARA (SEPULUH POKOK)	53
PROGRAM TAKLIMAT KEHIDUPAN MURNI	54
PROGRAM TAKLIMAT KEHIDUPAN MURNI	55
PROGRAM TAKLIMAT KEHIDUPAN MURNI	56
PROGRAM TAKLIMAT KEHIDUPAN MURNI	57
PEMINDAHAN SETINGGAN KE PPR (MTEN)	58
PEMINDAHAN SETINGGAN KE PPR (MTEN)	59
TAKLIMAT UNTUK PENGHUNI BARU	60
PROGRAM SOSIAL, KAUM BAPA PANDANG SEPI	61
BRK-MAJALAH DWI BULANAN PERUMAHAN	62
BRK-MAJALAH DWI BULANAN PERUMAHAN	63
GAMBAR BELAKANG BRK	64





Dari meja pengarah Pemangkin Pembangunan Masyarakat

Kamaruddin Omar
Pengarah, Jabatan Pengurusan Perumahan.

Tugas memelihara keselamatan dan keharmonian kaum bukan hanya harus dipikul pihak yang berkuasa, malah keseluruhan warga rumah pangsa melalui usaha menanam nilai kemanusiaan dalam jiwa anggota masyarakat sejak kecil.

Keamanan tidak mampu dinilai dengan wang ringgit. Hanya dengan penerapan nilai murni, warga rumah pangsa DBKL mampu hidup dalam keadaan aman dan harmoni berbanding dengan kehidupan masyarakat negara lain yang terpaksa menempuh pelbagai penderitaan akibat peperangan, penyakit dan bencana alam. Warga rumah pangsa, terutama generasi muda harus memberikan komitmen kepada pelbagai usaha memperkukuh nilai kemanusiaan.

Kakitangan JPP/DBKL harus bersedia melaksanakan tugas walaupun menyedari harapan tinggi diletakkan warga rumah pangsa terhadap jentera pentadbiran dan sistem penyampaian perkhidmatan.

Harapan tinggi warga rumah pangsa terhadap perkhidmatan DBKL tidak akan membebankan kakitangan. Kalau kita sudah sampai ke satu tahap, kita nak tahap yang lebih baik daripada itu dan kakitangan mestilah bersedia memberi perkhidmatan terbaik pada setiap masa.

Harapan tinggi warga rumah pangsa mendapatkan perkhidmatan terbaik daripada DBKL mungkin membebankan kakitangan. Saya meminta kakitangan terus memberikan perkhidmatan terbaik dan berkualiti selaras harapan tinggi orang ramai terhadap DBKL. Kita perlu sentiasa berusaha memperbaiki kualiti perkhidmatan diberikan. Walaupun DBKL sudah mengeluarkan piagam pelanggan panduan dan akujanji tetapi kualiti perkhidmatan perlu ditingkatkan dari semasa ke semasa.

Kita tidak boleh berada pada tahap sama selamanya, mesti ada tahap lebih baik. JPP/DBKL menyedari perkara ini dan usaha berterusan perlu dilakukan. Kakitangan perlu melihat proses kerja, prosedur dan tata cara kerja secara keseluruhannya. Ini perlu dibuat selalu kerana permintaan orang ramai sentiasa meningkat. Kalau kita berada pada tahap

sama, ia tidak akan meyakinkan orang ramai.

DBKL selalu mengingatkan kakitangan supaya tidak membangkitkan kemarahan rakyat menerusi salah laku seperti rasuah dan penyalahgunaan kuasa. Kakitangan harus komited memberikan perkhidmatan terbaik dan berkualiti kepada warga rumah pangsa untuk kepentingan negara. Kakitangan juga mesti memberikan perkhidmatan secara cekap, cepat dan tidak melakukan kesalahan dalam sistem penyampaiannya. Jauhkan diri daripada melakukan perkara yang tidak baik atau yang boleh mencemarkan nama DBKL atau yang mendatangkan malu.

Sikap itu mesti berbetulkan kerana semua kakitangan mesti bekerja sebagai satu pasukan bagi memperkukuh dasar kerajaan dan pembangunan negara dilaksanakan dengan lebih licin. Kita perlu kakitangan sebagai tunjang DBKL berprestasi dengan bersih, cekap dan mampan. Semua kakitangan mesti menunjukkan kerja berpasukan yang padu dan tidak harus wujudnya kumpulan yang hanya duduk diam sedangkan membiarkan orang lain membuat kerja.

Sebagai manusia yang berbudaya dan berkebolehan serta mampu berfikir dan berusaha, kita sewajarnya berupaya memupuk nilai positif dalam diri kita bagi mencorakkan tahap kemajuan, pencapaian hidup dan proses perubahan dalam segala bidang.

Kita perlu bersikap optimis dalam menghadapi apa juga cabaran yang muncul dalam proses pembangunan masyarakat dan negara, selain bersedia mengharungi proses anjakan paradigma bagi mencapai matlamat yang diimpikan.

Satu daripada caranya ialah kita harus meningkatkan daya pemikiran yang ada pada diri kita dan menyalurkannya kepada tujuan dan sasaran yang baik. Kita juga mesti bersikap aktif dan tidak mudah berputus asa. Bagi mencapai matlamat itu, semua pihak harus melakukan anjakan minda untuk mewujudkan satu revolusi daya pemikiran bagi membina nilai yang mampu berperanan sebagai garis panduan, ukuran dan amalan dalam merintis perubahan. Hanya peningkatan keteguhan dan kemantapan daya pemikiran berupaya menjadi pemangkin

pembangunan masyarakat dan negara.

Kita harus sedar bahawa nilai berkembang selaras dengan peningkatan ekonomi, politik, sosial, teknologi dan wawasan hidup yang mendasari kehidupan manusia. Peningkatan nilai ini haruslah seimbang dan dalam bentuk bersepadu. Keadaan yang tidak seimbang boleh membawa kepada kegagalan hasrat untuk mencapai matlamat melahirkan manusia yang berkebolehan sebagai pemangkin dan nadi pembangunan masyarakat, bangsa dan negara.

Sekian, wasalam.

SIDANG RIDAKSI BERITA RUMAH KITA

Penasihat

Kamaruddin bin Omar

Ketua Editor

Abd Malek Shahar Abd Latif

Ahmad Ismail

Editor

Wan Abdullah bin Wan Abd. Ghani

Sub Editor

Abdul Samah bin Sapari

Wartawan

Mohd Haffazah bin Sulaiman

Jurufoto

Ab. Wahab bin Omar

Pengedaran

Suhaila bt. Mod. Yusoff

Norziana bt. Wan Razali

Fadhilna bte Shuhaimi

Tulisan yang tersiar dalam majalah

BERITA RUMAH KITA

tidak semestinya menggambarkan fikiran

Jabatan Pengurusan Perumahan

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Alamatkan surat menyurat kepada:

Editor

BERITA RUMAH KITA

Jabatan Pengurusan Perumahan

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Tingkat 4-9, Menara DBKL 2

Bandar Wawasan, Jalan Raja Abdullah

50300 Kuala Lumpur

atau hubungi

ENCIK WAN ABDULLAH WAN ABD. GHANI

No. Tel. 03-26176067

Faks: 03-26983722

Nombor Telefon DBKL

Ibu Pejabat DBKL - 26179000

Aduan Awam DBKL - 26179800

Hot Line (24 jam) - 40220033

Perumahan - 92833112/

92813112

Bhg. Penguatkuasaan - 40231033-348

Perumahan - 40231133

Pej. Zon 1 - 91724096

Pej. Zon 2 - 92215505

Pej. Zon 3 - 40420340

Pej. Zon 4 - 61899563

Dicetak oleh:

Dasar Cetak (M) Sdn Bhd